

20 JAN 1996

Mahathir-Disiplin

MALAYSIA PERLUKAN RAKYAT YANG BERGERAK TERSUSUN, KATA DR MAHATHIR

BANTING, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia memerlukan rakyat yang bergerak secara tersusun, berdisiplin dan bertindak untuk kebaikan jangka panjang dalam usaha memajukan diri, masyarakat dan negara.

Perdana Menteri berkata rakyat yang merancang dengan tertib segala tindakannya sudah tentu dapat menikmati hasil perancangan itu untuk selama-lamanya.

"Bangsa yang tidak berdisiplin, tidak tahu bekerjasama, tak ada budaya, mereka akan tertindas," katanya pada Majlis Pemimpin ke Desa di Kampung Endah, Kuala Langat, dekat sini.

Kataya, masyarakat yang tersusun dan berdisiplin adalah masyarakat yang boleh menghadapi cabaran.

Sambil menjadikan Kampung Endah sebagai contoh, Dr Mahathir berkata kampung itu mempunyai masyarakat yang betul-betul tersusun dan bertindak mengikut matlamat yang sama.

Katanya, tidak seperti penduduk kebanyakan kampung lain, penduduk Kampung Endah melaburkan wang yang diperolehi hasil memenangi pelbagai pertandingan dan bukannya diagih-agihkan sesama sendiri dalam bentuk wang tunai.

Katanya, hasilnya keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan itu lebih besar berbanding dengan apa yang diperolehi jika ia diagih-agihkan dalam bentuk duit.

"Inilah masyarakat yang boleh menghadapi cabaran," katanya.

Sebaliknya, rakyat yang hanya mahu memikirkan keuntungan jangka pendek tidak akan kukuh dan kuat, katanya.

Dr Mahathir berkata dengan keadaan rakyat yang tersusun rapi mereka dapat mempertahankan kedudukan dan imej negara.

Dalam hal ini Perdana Menteri membidas sikap penduduk sebuah kampung di Kelantan yang kerana perbezaan politik tidak membenarkan jenazah bukan penyokong parti mereka dikebumikan di kampung itu.

Katanya sikap penduduk kampung itu jelas menggambarkan betapa untuk mengekalkan pengaruh, parti yang memerintah itu sanggup mengeluarkan pelbagai fatwa yang memecahbelahkan masyarakat.

"Mereka mencetuskan keadaan ini apabila berkuasa. Ini bukan mengikut ajaran Islam yang sering menegaskan bahawa umat Islam itu bersaudara," katanya.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri mahu sikap muafakat penduduk Kampung Endah dijadikan contoh oleh kampung-kampung lain di negara ini terutama kampung-kampung di Kelantan.

"Apakah kampung ini lebih Islam atau kampung mereka (di Kelantan) yang lebih Islam?" tanya beliau.

Dr Mahathir turut menegur sikap segelintir rakyat yang kerana dilanda banjir sedikit sudah mahu mengambil tindakan mahkamah terhadap kerajaan.

Perdana Menteri berkata rakyat patut bersyukur kerana banjir yang melanda negara ini tidak seburuk bencana di negara-negara lain.

Katanya banjir di Bangladesh dan taufan di Filipina meragut beribu-ribu nyawa tetapi di Malaysia banjir yang sedikit menjadikan mereka kecoh sehingga kerajaan mahu dibawa ke mahkamah.

Dr Mahathir berkata mereka patut sedar bahawa banjir yang berlaku juga berpunca daripada sikap mereka yang mengabaikan kebersihan. -- BERNAMA